

Headline **Masih ada sinar**
Date **03 May 2011**
MediaTitle **Berita Harian (Johor)**
Section **News**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **231,163 / 1,368,000**

Language **Malay**
Page No **1**
Article Size **424 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **11,158**
PRValue **33,474**



AZIZ diberi penerangan mengenai tip berjaya dalam hidup daripada pegawai AADK ketika menjalani rawatan dan perkhidmatan di Cure & Care 1Malaysia di Tampoi, Johor Bahru.

Penagih harap C&C 1Malaysia mampu ubah tabiat negatif

Umi Nadirah Abdul Rahman

Headline **Masih ada sinar**
Date **03 May 2011**
MediaTitle **Berita Harian (Johor)**
Section **News**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **231,163 / 1,368,000**

Language **Malay**
Page No **1**
Article Size **424 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **11,158**
PRValue **33,474**

JOHOR BAHRU: Walaupun terpalit dengan kepahitan hidup akibat dosa lampau, namun pesakit yang mengalami ketagihan beberapa jenis dadah yang mendapatkan perkhidmatan di Cure & Care 1Malaysia (C&C 1Malaysia) Tampoi di sini, nyata mempunyai harapan baru.

Mereka berharap, masih ada sinar di hujung terowong, untuk pulih daripada ketagihan, selain membuktikan kepada masyarakat dan keluarga bahawa mereka mampu berubah menjadi insan lebih baik di mata orang ramai.

Penagih heroin, Badariah Salim, 53, dari Johor Bahru, yang menagih seawal usia 16 tahun itu, berkata hidupnya punah sekelip mata kerana terpengaruh dengan bekas suami pertamanya yang menagih dadah.

Katanya, bermula saat itu, hidupnya berubah apabila menjadi penagih tegar, malah anak kandungnya hasil daripada perkahwinan itu juga turut terbabit dengan najis itu hingga meninggal dunia akibat penyakit AIDS pada usia 32 tahun.

"Hidup saya sungguh menyedihkan, sudahlah ibu dan bapa kandung saya memberikan saya pada keluarga angkat, saya juga menjadi mangsa kerakusan bapa angkat yang sanggup merogol sehingga melahirkan anak luar nikah.

"Malah, saya pernah terlanjur untuk mendapatkan duit bagi membeli bekalan dadah sehingga sanggup melacurkan diri, namun sejarah paling hitam adalah apabila saya menukar agama sejak berkenalan dengan suami kedua," katanya sambil menangis teresak-esak ketika ditemui di sini.

Badariah berkata, keputusan untuk menukar agama adalah perkara yang paling dikesalnya, namun ketika itu dia sama sekali tidak berfikir panjang kerana bekas suaminya yang berasal dari Singapura itu juga turut menjadi penagih dadah.

"Hasil daripada perkahwinan itu dan menganut Kristian selama hampir 20 tahun itu, saya dikurniakan anak perempuan yang kini tinggal di Singapura, namun apa yang saya dikesalkan adalah dia juga menjadi penganut Kristian.

"Saya kecewa kerana memang benar dadah menghancurkan segala-galanya dan saya pasti tidak mahu terbabit lagi dengan najis itu serta berharap masyarakat sekarang tidak membiarkan diri dipengaruhi sesiapa untuk mencuba dadah," katanya.

Seorang lagi penagih yang turut mendapatkan khidmat di C&C 1Malaysia) Tampoi, Aziz Harun, 36, dari Temerloh, Pahang, berkata pengalaman terbabit dengan dadah

jenis heroin adalah sesuatu yang paling dikesalkan sepanjang hidupnya.

Katanya, akibat perasaan ingin mencuba dadah pada usia 19 tahun itu merubah segala-galanya, namun dia masih ber-

Headline **Masih ada sinar**
Date **03 May 2011**
MediaTitle **Berita Harian (Johor)**
Section **News**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **231,163 / 1,368,000**

Language **Malay**
Page No **1**
Article Size **424 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **11,158**
PRValue **33,474**

nasib baik kerana mendapat sokongan keluarga terutama isteri yang masih setia untuk bersamanya melayari perkahwinan yang dikurniakan anak berusia 15 tahun itu.

“Saya bersyukur kerana diberikan peluang untuk berubah keadaan menjadi lebih baik sejak masuk di sini, namun apa yang pasti saya mahu mulakan kehidupan baru di negeri ini dan tidak ingin balik ke kampung lagi kerana ia hanya akan mengingatkan saya pada dosa silam.

“Saya berharap apa yang dipelajari di sini akan membantu saya menjalani kehidupan lebih baik lagi di masa akan datang dan saya bercadang untuk membuka bengkel kereta sendiri sehingga berjaya seterusnya membuktikan bahawa bekas penagih juga boleh berubah,” katanya.



“**Memang benar dadah hancurkan segala-galanya dan saya pasti tidak mahu terbabit lagi dengan najis itu serta berharap masyarakat tidak biarkan diri dipengaruhi untuk mencuba dadah”**

Badariah Salim
Penagih heroin